

Belanjawan 2021: Mengembalikan Dana dan Kuasa Besar kepada Perdana Menteri

1. Dalam Belanjawan 2021, kerajaan telah mengembalikan amalan tadbir urus yang memusatkan kuasa apabila menaikkan pemberian dana kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebanyak RM 11.69 bilion (iaitu perbelanjaan mengurus berjumlah RM 4.47 dan perbelanjaan pembangunan mencatatkan RM 7.2 bilion). Peruntukan JPM ini **lebih tinggi daripada** 2019.

Peningkatannya sebanyak RM 4.3 bilion atau 36.7 peratus berbanding Belanjawan 2019 sewaktu Pakatan Harapan (Jadual 1)

Jadual 1: Jumlah peruntukan kepada JPM Tahun 2019 – 2021 dan Anggaran Asal 2020

Kementerian	2019 Kerajaan Pakatan Harapan		2020 Kerajaan Pakatan Harapan		2020 (Anggaran Asal) ¹ Kerajaan Perikatan Nasional		2021 Kerajaan Perikatan Nasional	
	Mengurus	Pembangunan	Mengurus	Pembangunan	Mengurus	Pembangunan	Mengurus	Pembangunan
JPM	3,693,538,800	3,696,461,400	4,048,073,200	3,852,362,700	3,990,445,200	6,637,406,800	4,472,882,000	7,220,000,000
Jumlah	7,390,000,200		7,900,435,900		10,627,852,000		11,693,403,000	

Sumber: Anggaran Belanjawan 2021

2. Berdasarkan Jadual 1, kerajaan Pakatan Harapan menerusi Belanjawan 2020 memperuntukan sebanyak RM 7.9 bilion bagi JPM. Tetapi, selepas berlaku Langkah Sheraton dan peralihan kerajaan kepada Perikatan Nasional pada 9 Mac 2020, perbelanjaan JPM telah bertambah kepada RM 10.62 bilion, **peningkatan sebanyak RM 2.7 bilion atau 25.6 peratus**. Pada 17 Ogos 2020, parlimen telah meluluskan RUU Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 yang telah menambah dana JPM sebanyak RM 310,621,700.
3. Ini bermaksud, Belanjawan 2021 mengembalikan semula amalan pentadbiran lama pada zaman Barisan Nasional (BN) apabila mengembalikan pemusatan kuasa kepada JPM demi memperluaskan kuasa Perdana Menteri tanpa semak dan imbang., seperti mana yang berlaku pada zaman Barisan Nasional dibawah Najib Razak yang mempunyai kuasa yang luas sehingga berlakunya ketirisan seperti skandal 1MDB.

Perbezaan Struktur JPM dibawah BN,PH dan PN

Pemerintahan Terdahulu	Barisan Nasional	Pakatan Harapan	Perikatan Nasional
Komposisi Menteri/ Timbalan Menteri JPM	10 orang menteri dan 3 orang Timbalan Menteri JPM	3 orang Menteri dan 3 orang Timbalan Menteri JPM	5 orang Menteri dan 5 orang Timbalan Menteri
Perubahan Agensi/ Jabatan	Terdapat 92 agensi dan ada pertindihan peranan.	40 Jabatan/Agensi sahaja. 19 dibubarkan.	66 Jabatan/Agensi
Peruntukan	2017 = RM 15.94 bilion 2018 = RM 12.1 bilion	2019 = RM 7.39 bilion 2020 (Anggaran) = RM 7.9 bilion	2020 (Anggaran Asal) = RM 10.62 billion 2021 = RM 11.63 bilion

4. Merujuk kepada Rajah 1, selepas tahun 2018, terdapat penurunan signifikan dalam dana JPM. Tahun 2019 dan 2020 memperlihatkan jumlah dana JPM antara terendah sejak 2010. Dasar penstrukturan JPM ini dibuat pada tahun 2018 adalah untuk memastikan tadbir urus negara efektif dan memberi kuasa dan kewangan yang seimbang kepada kementerian-kementerian lain. Namun, prinsip ini telah berubah dalam Belanjawan 2021 apabila jumlah dana JPM meningkat dengan signifikan.
5. Peruntukan JPM telah dikurangkan selepas Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan persekutuan pada 9 Mei 2018. Daripada peruntukan JPM sebanyak RM 17.42 bilion dalam Belanjawan 2018 di bawah kerajaan Barisan Nasional, kerajaan Pakatan Harapan berjaya membuat penstrukturan JPM dan mengurangkan peruntukan JPM kepada RM 7.53 bilion (rujuk anggaran asal 2018), **iaitu penjimatan sebanyak RM 9.89 bilion atau 56 peratus.** (Rajah 1)
6. Penstrukturan ini melibatkan proses memindahkan agensi dibawah JPM kepada kementerian lain **seperti pemindahan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ke Kementerian Pengangkutan.** Langkah pemindahan agensi JPM ini adalah untuk memperkasakan kementerian-kementerian sedia ada dan kuasa membuat keputusan tidak berpusat kepada Perdana Menteri dan JPM sahaja.



Sumber: Anggaran Belanjawan Negara 2010 – 2021

Nota: Anggaran asal merujuk kepada pengumuman semula kementerian pada tahun yang dinyatakan.

7. Peruntukan pembangunan bagi JPM di bawah Belanjawan 2021 didapati meningkat kepada RM 7.2 bilion atau 10.61 peratus daripada peruntukan pembangunan Belanjawan 2021 iaitu RM 71 bilion, lebih tinggi berbanding peruntukan pembangunan JPM dalam Belanjawan 2020 iaitu RM 3.85 bilion atau 6.63 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan belanjawan tersebut. (Jadual 2)

Jadual 2: Peruntukan Pembangunan JPM 2016 – 2021

Tahun	Jumlah Peruntukan Pembangunan keseluruhan (RM billion)	% peruntukan Pembangunan dengan jumlah keseluruhan belanjawan	Jumlah Peruntukan Pembangunan JPM (RM billion)	% peruntukan Pembangunan JPM dengan jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan belanjawan
2016 (BN)	RM 52 bilion	19.47%	RM 14.32 bilion	27.53%
2017 (BN)	RM 48 bilion	18%	RM 11 bilion	22.9%
2018 (BN)	RM 48 bilion	17%	RM 12.21 bilion	25.4%
2019 (PH)	RM 56.7 bilion	18%	RM 3.69 bilion	6.28%
2020 (PH)	RM 58 bilion	19.39%	RM 3.85 bilion	6.63%
2021 (PN)	RM 71.0 bilion	32.08%	RM 7.22 bilion	10.16%


Sumber: Anggaran Belanjawan 2016 hingga 2021

8. Dana bagi pembangunan JPM yang meningkat secara signifikan seharusnya diberikan kepada kementerian-kementerian yang memerlukan pada saat yang penting ini. Terdapat beberapa peruntukan pembangunan kementerian yang dipotong dalam Belanjawan 2021 seperti Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pelancongan, Budaya dan Warisan (MOTAC). (Jadual 3 dan Rajah 2)
9. Peruntukan pembangunan KBS telah dipotong kepada RM 326.4 juta dalam Belanjawan 2021 jika dibandingkan dengan peruntukan Belanjawan 2020 dan 2019, iaitu masing-masing sebanyak RM 484 juta dan RM 366.6 juta. Begitu juga dengan MOTAC yang menerima penurunan peruntukan pembangunan kepada RM 153.8 juta dalam Belanjawan 2021 jika dibandingkan dengan RM 187.9 juta dalam Belanjawan 2020, iaitu pemotongan sebanyak RM 34.1 juta atau 18 peratus. Penambahan dana bagi kementerian seperti ini sekurang-kurangnya dapat menjana ekonomi dan bantuan kepada golongan sasaran seperti syarikat pelancongan dan belia tempatan yang hilang pekerjaan dan pendapatan ketika Covid-19.
10. Peruntukan kepada institusi parlimen juga tidak meningkat secara signifikan dalam Belanjawan 2021. Dalam Belanjawan 2020, peruntukan parlimen dinaikkan kepada RM 145.1 juta berbanding RM 137.4 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM 7.7 juta atau 5.3 peratus. Peningkatan ini berlaku kerana peranan parlimen perlukan penambahbaikan, khususnya apabila 11 buah Jawatankuasa Pilihan Khas (Select Committee) ditubuhkan untuk menyemak dasar kerajaan.
11. Malangnya, peruntukan parlimen hanya meningkat sebanyak RM 163,000 atau 0.1 peratus kepada RM 145,353,000 dalam Belanjawan 2021. Ini menunjukkan kerajaan hari ini tidak mempunyai iltizam dan komitmen dalam menambah baik sistem parlimen Malaysia yang diperlukan dalam menyelesaikan masalah ekonomi dan negara berhadapan krisis Covid-19.

Jadual 3: Jumlah Peruntukan Pembangunan JPM, KBS dan MOTAC 2019 - 2021

Kementerian/Tahun	2019 (RM juta)	2020 (RM juta)	2021 (RM juta)
JPM	3,395	6,637	7,220
KBS	336.61	484.2	326.4
MOTAC	146.8	187.9	153.8

Sumber: Anggaran Belanjawan 2021



Sumber: Anggaran Belanjawan 2019 hingga 2021

RUMUSAN

Peruntukan besar kepada JPM akan menggugat usaha untuk melakukan reformasi institusi seperti parlimen. Ia juga memperlihatkan sisi kerajaan PN yang mengutamakan agenda **pengukuhan kuasa Perdana Menteri berbanding menyelamatkan ekonomi rakyat dan mempertahankan institusi demokrasi**. Secara mudahnya, Belanjawan 2021 mengembalikan pentadbiran “order lama” Barisan Nasional dan **merupakan langkah regresif kepada sistem demokrasi negara**.

Peruntukan ini perlu diperhalusi dan diteliti oleh ahli parlimen supaya dana ini dapat diagihkan kepada kementerian yang terkesan dan memerlukan dana bagi merangsang program meningkatkan ekonomi, khususnya dalam mencipta kemahiran dan pekerjaan.

Antara dana perlu diteliti semula dalam peruntukan JPM ialah:

1. Butiran Projek (93500) “Projek Khas” yang telah dinaikkan kepada RM 1 bilion jika dibandingkan peruntukan sebanyak RM 100 juta pada tahun 2020.
2. Butiran Projek (00108) “Program Pembangunan” yang telah dinaikkan empat kali ganda, iaitu hampir RM 500 juta pada Belanjawan 2021 berbanding RM 159.7 juta pada tahun 2020.

Butiran-butiran ini juga perlu diperjelaskan oleh Perdana Menteri kepada parlimen secara terbuka tentang tujuan dan keperluan mempunyai dana yang begitu besar dan tidak diletakkan butiran secara spesifik.

Sebenarnya, peruntukan JPM yang begitu besar ini boleh disalurkan dalam usaha memperkasakan institusi parlimen, seperti:

1. Menambah **kakitangan dan sokongan kepada parlimen**, khususnya dalam bidang penyelidikan dasar bagi membantu perjalanan parlimen
2. Menambah **penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas (Select Committee)** bagi menyemak dan mengimbangi tadbir urus setiap kementerian.
3. Menaiktaraf **sistem dan infrastruktur teknologi**, khususnya persediaan **parlimen bersidang secara maya (virtual)** dan penggunaan sumber digital.

Penambahbaikan parlimen adalah wajar dilakukan memandangkan institusi ini mempunyai peranan penting dalam tadbir urus negara.

Perkara yang lebih penting adalah untuk melaksanakan prinsip keterbukaan dan ketelusan dalam isu peruntukan besar JPM ini agar dana tersebut tidak digunakan untuk tujuan memperkukuh kedudukan politik Perdana Menteri yang tidak menguntungkan rakyat secara menyeluruh.

Fakhrurrazi Rashid

Koordinator Penyelidik, REFSA

November 2020